



Pindaan kebebasan bersuara seharusnya menjurus kepada kebaikan, bukan memperjuangkan isu boleh menggugat ketenteraman awam”

**Muhammad Izzuddin Rosli,**  
Yang Dipertua MPP UPM



Akta pendidikan tinggi baharu itu digubal secara teliti termasuk mengambil kira pandangan Naib Canselor yang mewakili universiti masing-masing”

**Nor Aieni Mokhtar,**  
Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor dan  
Rektor Universiti Awam Malaysia



PKIBM mengalu-alukan pindaan berkenaan kerana yakin ia dirangka secara teliti dan bersepadu demi kepentingan pelajar IPT”

**Amir Hamzah Md Isa,**  
Presiden PKIBM

## SUSULAN AKTA PENGAJIAN TINGGI BAHARU

# Elak guna kebebasan suarakan fahaman ekstremisme

**Kuala Lumpur:** Cadangan Kementerian Pendidikan mewujudkan akta pendidikan tinggi baharu bagi menghapuskan halangan kebebasan bersuara mahasiswa dibimbangi disalahgunakan untuk membawa masuk fahaman melampau dan ekstremisme ke dalam kampus.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Izzuddin Rosli, berkata pindaan kebebasan bersuara seharusnya menjurus kepada kebaikan, bukan memperjuangkan isu boleh menggugat ketenteraman awam dan keharmonian kaum, fahaman bercanggah agama dan menjurus keganasan.

Katanya, ia mencakupi kelantangan memperjuangkan kebajikan pelajar, akademik, yuran pengajian serta isu semasa mencakupi dasar kerajaan yang berkaitan pendidikan, kenaikan kos sara hidup dan kemiskinan.

Beliau berkata, pihaknya bimbang ada pelajar universiti yang menggunakan kebebasan untuk mempengaruhi siswa lain supaya mengadakan perhimpunan secara haram, berkempen untuk parti politik dan membangkitkan kebencian kepada pihak tertentu.

“Kita memang menyokong kebebasan bersuara, namun jangan sampai membawa masuk fahaman menggugat keharmonian, faha-

man sosialis serta haluan kiri dan paling ditakuti fahaman bercanggah dengan undang-undang dibawa masuk ke dalam kampus,” katanya ketika dihubungi, semalam.

### Lahir mahasiswa bijak

Media kelmarin melaporkan, Kementerian Pendidikan berhasrat mewujudkan akta pendidikan tinggi baharu bagi menghapuskan halangan kebebasan bersuara mahasiswa.

Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching dilaporkan berkata akta baharu itu akan menggabungkan akta berkaitan pendidikan tinggi iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta Institusi

Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) 1996, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 serta akta-akta lain yang dilihat relevan.

Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor Universiti Awam Malaysia, Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar, pula berkata, kebebasan bersuara seharusnya melahirkan mahasiswa yang bijak berfikir dan bertindak secara waras di dalam dan luar kampus.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkata, pindaan berkenaan juga perlu menyumbang kepada keharmonian bukan saja dalam kampus, sebaliknya mencakupi masyarakat majmuk di negara ini.

“Akta pendidikan tinggi baharu berkenaan digubal secara teliti termasuk mengambil kira pandangan Naib Canselor yang mewakili universiti masing-masing,” katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputera Malaysia (PKIBM), Amir Hamzah Md Isa, berkata pihaknya mengalu-alukan pindaan berkenaan kerana yakin ia dirangka secara teliti dan bersepadu demi kepentingan pelajar IPT.

Bagaimanapun katanya, pihaknya bimbang pelajar IPTS yang [kurang matang] akan terpengaruh dengan perkara negatif yang diperjuangkan pihak tertentu kerana mereka diberi kebebasan secara mutlak untuk bersuara.